



## **KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT MENTERI KPKT BERHUBUNG TEMPOH KEMPEN PEMILIKAN RUMAH (HOC) DILANJUTKAN**

**30 Jun 2019**

---

Kempen Pemilikan Rumah (Home Ownership Campaign) telah mula dijalankan atas inisiatif bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak Januari tahun ini. Kempen yang dilancarkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri ini telah mendapat sambutan yang baik dari pembeli-pembeli rumah dan syarikat pemaju perumahan.

Saya telah dimaklumkan bahawa terdapat permintaan dan cadangan yang kuat dikalangan para pembeli dan syarikat-syarikat pemaju agar tempoh kempen ini dilanjutkan sehingga Disember 2019 daripada sasaran asal iaitu hanya sehingga Jun 2019.

HOC ini dengan kerjasama Persatuan Pemaju Perumahan seperti REHDA, SHAREDADA dan SHEDADA ini telah memberi manfaat kepada pembeli-pembeli unit rumah baharu dengan menawarkan pengecualian terus duti setem atau pengurangan duti setem yang bergantung kepada harga unit sesebuah rumah tersebut.

Selain itu, tambahan potongan harga 10% berdasarkan harga permit iklan dan jualan asal atau harga jualan juga dapat dinikmati pembeli.

Oleh yang demikian, saya ingin memaklumkan bahawa tempoh kempen HOC yang sepatutnya berakhir Jun tahun ini dilanjutkan sehingga Disember 2019. Semoga lanjutan tempoh ini dapat membuka lebih ruang agar ramai rakyat negara ini dapat memiliki kediaman sendiri dan sekaligus membantu industri perumahan negara untuk berada pada landasan sebenar.

**YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin**  
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**